



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

**SIARAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**INISIATIF BANTUAN SUBSIDI PEMBELIAN TIKET PENERBANGAN  
UNTUK PELAJAR UNIVERSITI AWAM BAGI LALUAN DOMESTIK  
ANTARA SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH, SARAWAK DAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Susulan pengumuman berkaitan pelaksanaan inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam bagi laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang telah dibuat pada 12 Julai 2023, Kementerian Pengangkutan ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan inisiatif ini telah bermula pada hari ini (15 Ogos 2023).

Selaras dengan itu, para pelajar universiti awam boleh membuat semakan kelayakan melalui laman sesawang Kementerian Pengangkutan (<https://subsidiudara.mot.gov.my/>).

Setelah membuat semakan, pelajar yang layak boleh membuat permohonan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan daripada **mana-mana satu (1) syarikat penerbangan** seperti Malaysia Airlines (termasuk MASwings dan FireFly), AirAsia, Batik Air dan MYAirline yang dipilih oleh pelajar melalui laman sesawang syarikat penerbangan tersebut.

Sekiranya pelajar didapati tidak layak, pelajar boleh membuat semakan dan rayuan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi melalui universiti masing-masing. Buat masa ini, pelajar yang layak adalah pelajar yang berdaftar di universiti awam sehingga tahun akademik 2022/2023 pada 30 Jun 2023.

Setelah menerima permohonan tersebut, syarikat penerbangan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada pelajar sebagai *credit shell*



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

untuk membeli tiket penerbangan. Sekiranya harga tiket yang dibeli adalah kurang daripada RM300, baki baucar digital akan kekal dalam *credit shell* dan boleh digunakan untuk pembelian tiket seterusnya.

Tarikh akhir penebusan baucar untuk pembelian tiket penerbangan adalah pada **31 Disember 2023**. Namun, pembelian tiket penerbangan untuk perjalanan selepas tarikh akhir penebusan baucar adalah dibenarkan.

Sempena sambutan Bulan Kebangsaan, bantuan ini adalah salah satu initiatif Kerajaan Perpaduan untuk mengeratkan hubungan antara Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan di samping menangani isu kos sara hidup selaras dengan aspirasi Malaysia Madani.

**-TAMAT-**

---

### Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berdasarkan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**  
**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel 1800-88-7723  
Faks +603 8892 0208  
E-mail [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

